

19/01/1999

MCA minta PM tentukan jumlah calon

KUALA LUMPUR, Isnin - MCA menyerahkan kepada kebijaksanaan Presiden Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukan jumlah calon dari parti itu dalam pilihan raya negeri Sabah akan datang.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata parti itu belum membuat permohonan rasmi berhubung jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang akan ditandinginya pada pilihan raya berkenaan, yang dijadual berlangsung sebelum akhir Mac ini.

"Kami menyerahkan (keputusan itu) kepada Dr Mahathir dan apa saja yang beliau putuskan, kami akan terima," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas Majlis Presiden MCA di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek dan Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, berkata persiapan rapi MCA itu bagi menghadapi pilihan raya Sabah dan beliau melahirkan keyakinan BN akan mengulangi kejayaan.

"Saya berpendapat, kami sudah bekerja amat kuat dan rakyat tahu walau apa pun berlaku, MCA akan tetap menyokong BN sampai bila-bila," katanya.

Spekulasi tarikh pilihan raya Sabah semakin memuncak apabila Dr Mahathir mengadakan mesyuarat khas dengan pemimpin parti komponen BN Sabah di Jabatan Perdana Menteri, kelmarin dengan tanda menunjukkan DUN akan dibubarkan minggu depan.

Sementara itu, Dr Ling berkata pucuk pimpinan MCA akan menyampaikan pokok buluh khas kepada Perdana Menteri yang menandakan sokongan penuh parti itu terhadap kepemimpinan beliau.

Menurutnya, reka bentuk pokok itu menandakan kesejahteraan, perpaduan, pertumbuhan dan kestabilan masyarakat di Malaysia.

(END)